

24/02/1997

Gejala sosial jejasakan imej negara

KUALA LUMPUR, Ahad - Gejala sosial yang melanda generasi muda sekarang dikhuatiri menjejaskan imej Malaysia di peringkat antarabangsa, khususnya dari segi kebangkitan Islam jika tidak ditangani segera.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Hulu Klang, Datuk Fuad Hassan, berkata masalah itu, termasuk penagihan dadah dan pembuangan anak di kalangan remaja Islam semakin serius.

Malah, beliau menyifatkan generasi muda sedang nazak kerana dilanda gejala sosial.

"Di peringkat antarabangsa, Malaysia dipuji kerana keupayaan pemimpinnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengembalikan kebangkitan Islam.

Beliau memberi ucapan utama bertajuk 'Ke Arah Pemantapan Kualiti Generasi Menuju Alaf Baru' di Himpunan Pergerakan Mahasiswa anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia (PKPIM) di Dewan Utama Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa (UIA), di sini hari ini.

Fuad berkata, berdasarkan keadaan sekarang, generasi muda juga lebih teruk daripada masyarakat di zaman Jahiliah, khususnya dari segi pembuangan anak.

Katanya, masyarakat zaman Jahiliah hanya membunuh anak perempuan (menanam anak yang hidup).

"Sekarang kita lihat kes pembuangan anak tidak lagi mengira jantina dan tempat seperti di dalam semak dan tandas," katanya.

(END)